

## UTUSAN BORNEO(Sarawak) 5 OGOS 2018

### KILANG KENAF DI SETIU AKAN BEROPERASI DISEMBER



— *Gambar Bernama* TERTARIK: Shamsul Iskandar (tengah) melihat batang Kenaf yang belum diproses semasa mengadakan lawatan di Pusat Pemprosesan KENAF IN-SITU (PPKI) di Kampung Air Tawar dekat Pasir Puteh, semalam. Turut hadir Samsudin (kanan).

PASIR PUTEH: Industri Kenaf akan lebih terserlah sebagai komoditi baharu apabila kilang memproses kenaf bernilai RM25 juta di Setiu, Terengganu mula beroperasi Mac tahun depan, kata Timbalan Menteri Industri Utama Shamsul Iskandar Mohd Akin.

Beliau berkata kilang berkenaan mampu memproses lebih 2,000 tan metrik kenaf setahun.

Setakat ini, dua pusat pemprosesan kenaf telah diwujudkan iaitu di Rompin, Pahang dan Kampung Air Tawar di sini, masing-masing mampu menghasilkan 1.8 juta tan metrik fiber kenaf setahun, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Pusat Pemprosesan Kenaf Kampung Air Tawar di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) Samsudin Noor.

Shamsul Iskandar berkata setakat ini, seramai 1,500 petani mengusahakan tanaman kenaf membabitkan kawasan seluas 600 hektar di beberapa negeri termasuk Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Beliau berkata pihak kementerian akan menjalankan kempen bagi menggalakkan generasi muda menceburi industri kenaf yang menjan-jikan pendapatan lumayan.

Katanya kementerian akan terus memberikan insentif kepada petani terbabit sebanyak RM2,300 bagi setiap sehektar tanaman termasuk upah membajak dan bekalan benih.

Berhubung kejatuhan harga getah, Shamsul Iskandar berkata kementeriannya sedang mengkaji punca kejatuhan itu yang turut dirasai oleh negara jiran seperti Indonesia dan Thailand. — Bernama